

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan serta satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri.

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan

- **Pengurusan Produktiviti Ternakan dan Perikanan Negeri Melaka**
[Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan: RM5.55 juta]

- a. Pengauditan dilaksanakan melibatkan dua jabatan dengan nilai perbelanjaan berjumlah RM5.55 juta seperti berikut:
 - i. Pengurusan Program Pemesatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka (JPVNM) (Jumlah Perbelanjaan: RM2.74 juta); dan
 - ii. Program Akuakultur, Pejabat Perikanan Negeri Melaka (PPNM) (Jumlah Perbelanjaan: RM2.81 juta).
- b. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pengeluaran susu segar pada tahun 2021 menurun dan tidak mencapai sasaran sebanyak 0.06 juta liter (2.2%).
- Pengeluaran akuakultur bagi tahun 2018 dan 2019 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 10,963.56 tan metrik dan 13,293.00 tan metrik berbanding pengeluaran sebanyak 6,339.37 tan metrik (57.8%) dan 3,738.49 tan metrik (28.1%).

ii. Pencapaian Keberhasilan

- SSL negeri Melaka pada tahun 2020 bagi pengeluaran terpilih pengeluaran daging lembu/kerbau sebanyak 28.1% dan susu segar sebanyak 55.1%. Tahap SSL dikira oleh JPVNM berdasarkan pengeluaran produktiviti berbanding dengan keperluan penduduk negeri Melaka.

iii. Pengurusan Program

Pengurusan Audit bagi aspek pengurusan adalah seperti berikut:

- perolehan tahun 2018 dibatalkan kerana pembekal gagal membekalkan 25 ekor induk lembu tenuku bernilai RM198,750 dalam tahun semasa;
- JPVNM tidak mencapai sasaran bekalan induk lembu tenuku seperti yang ditetapkan iaitu sebanyak 50 ekor setahun berbanding 25 ekor (50%) masing-masing pada tahun 2017 dan 2019;
- PPNM hanya menerima peruntukan Program Perikanan (Perbelanjaan Pembangunan P12) sejumlah RM400,000 (26.7%) daripada Kerajaan negeri berbanding RM1.5 juta yang diperuntukkan;
- hanya 35.9 hektar (5.2%) daripada 690.67 hektar kawasan ZIA digunakan untuk penternakan akuakultur oleh 42 penternak; dan
- PPNM tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa SPeKS Akuakultur Ibu Pejabat pada tahun 2018 hingga 2020 bagi bekalan tambahan sejumlah RM33,244 kepada penerima bantuan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka

- **Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. (PMHSB)**
[Modal Berbayar: RM20.43 juta]

- a. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:
 - i. objektif penubuhan syarikat belum dapat tercapai sepenuhnya iaitu menjalankan perkhidmatan kesetiausahaan, pelaburan/penyewaan hartanah serta perkhidmatan insurans/takaful;

- ii. tadbir urus korporat memuaskan namun empat daripada lapan amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya;
 - iii. pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah kurang cekap kerana terdapat kelemahan seperti berikut:
 - pencapaian output bagi perkhidmatan kesetiausahaan syarikat, pelaburan/penyewaan harta tanah dan perkhidmatan insurans kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
 - peranan PMHSB sebagai Setiausaha Syarikat tidak dilaksanakan dengan baik:
 - Pemfailan Penyata Tahunan dan Kewangan Syarikat lewat.
 - Notis panggilan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) tidak mengikut ketetapan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A).
 - kadar harga perkhidmatan kesetiausahaan syarikat tidak menyeluruh;
 - pengeluaran invois kepada pelanggan lewat;
 - penyelenggaraan harta tanah milik PMHSB tidak teratur;
 - 19 harta tanah milik PMHSB bukan atas nama PMHSB kerana urusan menukar nama belum dimohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - SOP kesetiausahaan syarikat tidak memperincikan mengenai proses pelantikan setiausaha syarikat.
 - b. Kedudukan kewangan stabil kerana PMHSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai tiga tahun berturut-turut pada tahun 2018 hingga 2020.
2. Keseluruhan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah sembilan syor, iaitu empat kepada Pengurusan Produktiviti Ternakan dan Perikanan Negeri Melaka dan lima kepada PMHSB.